

## Dasar kementerian punca penurunan standard graduan

NAIB Canselor Prof Datuk Mohd Noh Dalimin sebagai berkata, DE (3.9.06) bahawa graduan kita mempunyai kemahiran komunikasi yang rendah, kurang fasih berbahasa Inggeris serta mempunyai tahap pengetahuan am yang rendah dan tidak faham tentang IT.

Sebagai sebuah institusi akademik, UMS diharap mengeluarkan graduan dengan ciri-ciri seperti itu.

Adakah ini bayangan yang dasar kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah menyebabkan penurunan pada standard graduan yang keluar dari semua univerviti awam biayaan cukai kita?

Memang menjadi fakta bahawa sistem pendidikan Malaysia banyak dipolitikkan. Dasar itu lebih memberi manfaat kepada ahli politik berbanding masalah depan pelajar kita.

Kita dilarang daripada membincangkan dasar pendidikan. Para "pemimpin" sentiasa betul, jika kemudiannya dasar mereka terbukti salah, mereka tidak akan mengakuinya tetapi sering menyalahkan orang lain atau malah menuding ke atas.

Sudah menjadi fakta bahawa apabila mantan timbalan PM Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Pendidikan, penekanan yang lebih terhadap Bahasa Melayu pun bermula, dan Inggeris agak terpinggir sehinggakan tidak ada sesiapa yang peduli sama ada guru berkelayakan Bahasa Inggeris akan menjadi spesies lupus.

Lobi yang kuat untuk proses ini datangnya daripada dua buah badan – iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka biayaan kerajaan (yang pencapaian mereka dalam objektif keseluruhan dan sumbangan terhadap pembangunan negara kita masih dipersoalkan hingga ke hari ini) dan Gapena (Gabungan Penulis Nasional yang seolah-olah telah lenyap daripada pandangan awam sejak kebelakangan ini).

Kurangnya kefasihan dalam Bahasa Antarabangsa, Inggeris itu telah mendatangkan kesan terhadap pembelajaran Matematik dan kemahiran-IT, Sains, Kejuruteraan, Perubatan dan semua kemahiran yang berkaitan dengan persaingan kita di peringkat antarabangsa atau era globalisasi.

Pernyataan ini terbukti dengan fakta yang mantan PM Tun Dr Mahathir Mohamad, setelah menyedari kesilapan politik pendidikan ini, menterbalikkan dasar itu serta memperkenalkan semula Inggeris sebagai satu medium yang penting.

Semua penuntut yang belajar pada tahun-tahun, 100 peratus medium bahasa merupakan mereka yang rugi dan kesemua mereka menderita pada masa ini kerana terpaksa menggunakan masa dan wang lebih untuk meningkatkan kefasihan bahasa Inggeris mereka.

Dan sudah tentu tidak ada pampasan daripada ahli-ahli politik yang dasar taksu mereka itu menyebabkan penderitaan ini.

Harapan untuk masa depan lebih baik terletak pada tangan graduan yang menderita dalam era memalukan itu, yang sekarang ini mungkin memegang jawatan berpengaruh.

Semoga pengajaran sejarah menjadi cahaya pembimbing mereka dalam mana kesilapan masa lalu tidak diulangi untuk faedah generasi mereka akan datang.